

Keberkesanan Strategi Metakognisi dalam Pengajaran Bacaan dan Kefahaman Menggunakan Teks Ekspositori

Yahya Othman

yahya.othman@ukm.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Dayang Raini Pakar

nur_aiman6675@hotmail.com

Sekolah Rendah Masin

Brunei Darussalam

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji kesan penggunaan strategi metakognisi dalam pengajaran bacaan dan pemahaman Bahasa Melayu menggunakan teks ekspositori. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menilai prestasi pencapaian pelajar dalam pengajaran pemahaman menggunakan strategi metakognisi serta menilai kesan penggunaan strategi tersebut dalam pengajaran membaca dan memahami teks. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti strategi-strategi metakognisi yang digunakan oleh pelajar dalam ketiga-tiga proses membaca (sebelum membaca, semasa membaca dan selepas membaca). Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen. Sampel kajian melibatkan 60 orang pelajar Tahun 4 di sebuah sekolah rendah kerajaan di Daerah Brunei Muara. Sampel dibahagikan kepada dua buah kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Setiap kumpulan melibatkan seramai 30 orang pelajar bertahap sederhana. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan ujian-t sampel tak bersandar untuk menilai sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi min prestasi pemahaman bacaan antara kumpulan kawalan dan eksperimen dalam ujian pra dan pasca. Manakala analisis One Way Ancova digunakan untuk menentukan kesan penggunaan strategi metakognisi terhadap pengajaran bacaan pemahaman. Berdasarkan analisis ujian-t, terdapat perbezaan min prestasi pemahaman bacaan yang signifikan antara skor kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan, $t(60) = 12.96$, $p < 0.0$. Analisis data One Way Ancova, $p = 0.00 < 0.05$ ($F\text{-ratio} = 493.22/2.25 = 219.41$ $p < 0.05$) juga membuktikan kesan penggunaan strategi metakognisi yang signifikan terhadap pengajaran pemahaman menggunakan strategi metakognisi. Kajian ini juga menunjukkan bahawa strategi metakognisi yang digunakan oleh pelajar ketika menjalani proses membaca adalah pelbagai. Secara keseluruhannya, strategi metakognisi yang digunakan oleh pelajar dalam kajian ini terbukti dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap teks bacaan.

Katakunci: strategi metakognisi; pengajaran; bacaan dan kefahaman; teks ekspositori; eksperimen kuasi

Effectiveness of Metacognition Strategy Instruction in the Teaching of Reading and Comprehension Skills Using Expository Text

ABSTRACT

This study examined the effects of metacognition strategies in the teaching of reading and comprehension of Bahasa Melayu using expository text. The purpose of this study is to assess students' achievement in comprehending text using metacognition strategies and also to assess the impact of the strategies used in the teaching of reading and comprehension. In

addition, this study also aims to identify metacognition strategies used by students in the three reading processes (before, during and after reading). This study used a quasi-experimental design. The study sample involved 60 students of Year 4 from one government primary school in Brunei Muara District. The sample was divided into two groups, the experimental group and the control group. Each group consisted of 30 average students. The results of this study were analyzed using t-test of independent samples to assess whether there are significant differences in the mean performance of reading comprehension between the control and experimental groups in pre and post test. One Way ANCOVA analysis is used to determine the effect of metacognition strategies for teaching reading comprehension. T-test analysis showed that there was a significant difference in the mean of reading comprehension performance scores between the experimental group and the control group, $t (60) = 12.96$, $p < 0.0$. Meanwhile, One Way ANCOVA data analysis showed, $p = 0.00 < 0.05$ (F -ratio = $493.22/2.25 = 219.41$ $p < 0.05$) also demonstrated the significant effect of metacognition strategies in teaching comprehension. The study also showed that metacognition strategies used by the respondents during their reading process are varied. As a whole, metacognition reading strategies used by the respondents in this study can enhance comprehension of reading text.

Keywords: metacognition strategy; teaching; reading and comprehension; expository text; quasi-experimental

PENGENALAN

Membaca adalah kemahiran bahasa yang penting dan perlu dikuasai oleh pelajar agar dapat meneroka bidang ilmu dengan lebih luas (Yahya Othman, 2005). Dalam proses membaca teks, pembaca perlu memahami isi, maklumat, penerangan atau perkara yang hendak disampaikan oleh penulis. Dalam erti kata lain, proses membaca merupakan sesuatu yang kompleks kerana pembaca perlu melibatkan kualiti pemikirannya untuk tujuan memahami teks. Tanpa memahami teks yang dibaca, pembaca tidak dianggap menguasai kemahiran membaca (Korabiak & Mete, 2004). Hal ini disebabkan membaca dan memahami merupakan proses yang konstruktif dan saling membantu antara satu sama lain (Mahzan Arshad, 2008). Bagi pembaca yang berkesan, keupayaan memahami teks dianggap penting walaupun pada peringkat sekolah rendah.

Dalam Sistem Pendidikan Negara (SPN21) di Negara Brunei Darussalam, kemahiran membaca tidak hanya dilihat sebagai kemahiran menyebut dan membunyikan setiap patah perkataan. Kemahiran membaca merangkumi kecekapan pelajar membaca ayat atau teks dengan lancar serta sebutan, intonasi, dan jeda yang betul. Penekanan diberikan terhadap aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan, sama ada yang tersurat ataupun yang tersirat secara kritis dan analitis dengan menggunakan pelbagai teknik membaca (Jabatan Perkembangan Kurikulum, 2009).

Sehubungan itu, Mahzan Arshad (2008) menyatakan bahawa kemahiran membaca bukan sahaja terhad pada kemahiran memahami teks dan dapat menjawab pelbagai soalan pemahaman semata-mata. Hal ini disebabkan kemahiran membaca juga perlu melibatkan kemahiran menggunakan maklumat bagi menyelesaikan masalah, mengaitkan maklumat dengan sesuatu yang dihadapi, mengulas dan membuat penilaian serta kesimpulan berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada bahan bacaan.

Untuk menguasai kemahiran membaca, pelbagai strategi membaca boleh digunakan dalam pengajaran bacaan dan pemahaman. Salah satu strategi yang digunakan ialah strategi metakognisi. Strategi ini dapat membantu pembaca membaca dengan lebih berkesan di

samping dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap teks yang dibaca secara maksimum.

Strategi metakognisi bukanlah perkara baharu dalam pengajaran membaca. Menurut Eilers dan Pinkley (2006), strategi ini digunakan dan diajarkan kepada pelajar untuk menguasai pemahaman teks yang dibaca. Penggunaan strategi metakognisi dalam pengajaran bacaan dan kefahaman ini juga dipercayai dapat membantu pelajar untuk berfikir secara lebih mendalam dalam ketiga-tiga peringkat proses membaca, iaitu sebelum membaca, semasa membaca dan selepas membaca (Boulware-Gooden et al., 2007).

Dalam laporan penyelidikan El-Koumy (2004), strategi metakognisi juga telah mendapat perhatian guru bahasa dan penyelidik disebabkan oleh tiga perkara, iaitu (i) pengetahuan metakognisi dapat menjadikan pelajar menjadi pemikir yang baik dan pelajar dapat menghadapi situasi pembelajaran mengikut perubahan zaman; (ii) dengan mengintegrasikan pengetahuan metakognisi dalam pembelajaran bahasa dapat meningkatkan kemahiran pelajar untuk mengawal pembelajaran mereka sendiri, dan (iii) kesedaran metakognisi adalah asas penting untuk pembelajaran bahasa yang lebih efektif. Oleh itu, penggunaan strategi metakognisi ini perlulah diberi perhatian sewajarnya. Melalui kajian yang dijalankan, para guru dapat memperbaiki dan memantapkan lagi pengetahuan mengenai strategi metakognisi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa.

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Keberkesanan penggunaan strategi metakognisi dalam pengajaran bacaan dan kefahaman banyak dibuktikan daripada beberapa kajian eksperimen yang dijalankan di luar negara. Pengajaran membaca dan memahami dipercayai lebih berkesan dengan pengaplikasian strategi metakognisi. Perkara ini telah dinyatakan dalam kajian yang dijalankan oleh Houtveen dan Grift (2007). Kajian eksperimental kuasi yang dijalankan bertujuan untuk menilai kesan penggunaan strategi metakognisi terhadap pembelajaran membaca dan memahami ini melibatkan seramai 569 orang pelajar Belanda Tahun 6. Seramai 344 orang pelajar dipilih untuk menyertai kumpulan eksperimen, manakala 225 orang pelajar lagi dijadikan sebagai sampel kawalan. Kumpulan eksperimen diajarkan membaca menggunakan strategi metakognisi oleh guru-guru yang diberikan latihan kemahiran metakognisi. Manakala, guru-guru yang terlibat dalam kumpulan kawalan, tidak diberikan latihan sedemikian. Hasil kajian menunjukkan penguasaan pemahaman pelajar-pelajar dalam kumpulan eksperimen yang didedahkan dengan strategi metakognisi dalam pelajaran membaca dan memahami adalah lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan. Keputusan ini menunjukkan bahawa penggunaan strategi yang diterapkan oleh para guru dalam pembelajaran bacaan adalah berkesan untuk meningkatkan pemahaman pelajar. Jelas, kajian ini juga menunjukkan pentingnya guru-guru bahasa untuk mengetahui strategi metakognisi agar dapat diaplakasikan dalam pengajaran secara lebih berkesan.

Dalam hal yang sama, Boulware-Gooden et al. (2007) juga melaksanakan kajian bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan pelbagai strategi metakognisi dalam pengajaran membaca untuk memahami teks. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji sama ada strategi metakognisi memberi impak terhadap pengembangan kosa kata pelajar atau sebaliknya. Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar Gred 3 di dua buah sekolah rendah kawasan selatan barat Amerika Syarikat yang dikenal pasti mempunyai tahap pencapaian akademik yang sederhana. Untuk mencapai objektif kajian ini, pengkaji telah menjadikan sebuah sekolah sebagai kelas intervensi yang diajarkan membaca menggunakan strategi metakognisi, manakala sebuah sekolah lagi dijadikan sekolah kawalan yang tidak diajarkan menggunakan strategi metakognisi. Kajian ini dijalankan selama lima minggu.

Setelah kedua-dua kumpulan pelajar dalam kajian Boulware-Gooden et al. (2007) ini diberikan ujian kefahaman menggunakan teks ekspositori yang sama, pelajar-pelajar Gred 3 yang mengikuti kelas intervensi bacaan menggunakan strategi metakognisi didapati menunjukkan kesan yang positif berbanding pelajar-pelajar di sekolah kawalan. Selain dapat menunjukkan pencapaian kefahaman yang lebih tinggi, pelajar-pelajar kelas intervensi juga dapat meningkatkan penguasaan kosa kata yang lebih baik berbanding kumpulan pelajar di sekolah kawalan. Keputusan ini jelas membuktikan bahawa pengajaran pemahaman menggunakan strategi metakognisi dapat membantu pelajar sekolah rendah untuk memahami teks, sekali gus pelajar dapat meningkatkan kemahiran berfikir untuk mempelajari kosa kata dengan cara yang lebih efektif.

Strategi metakognisi ini juga didapati berkesan untuk membantu pelajar memahami semua jenis teks. Hal ini terbukti dalam kajian yang dijalankan oleh Eilers dan Pinkley (2006). Tujuan kajian ini adalah untuk menilai sebuah projek yang mengamalkan pengajaran membaca dan memahami pelbagai jenis teks menggunakan beberapa strategi metakognisi yang melibatkan penggunaan pengetahuan lalu yang dikaitkan dengan teks bacaan, membuat andaian terhadap bahan yang dibaca, dan menyusun maklumat yang diperoleh daripada bahan bacaan. Projek ini melibatkan 24 orang pelajar Gred 1 yang terdiri daripada lima orang keturunan Hispanik, seorang pelajar Asian/Pacific Island dan 18 orang pelajar berkulit putih. Selepas sembilan minggu projek ini dijalankan, hasil ujian pemahaman mendapati pengajaran membaca menggunakan strategi metakognisi secara eksplisit dapat membantu meningkatkan prestasi pemahaman pelajar Gred 1 dalam pelbagai jenis teks. Dapatkan ini juga menunjukkan kepentingan menggunakan strategi metakognisi dalam pengajaran bacaan sewajarnya bermula dari peringkat awal lagi.

Caliskan dan Sunbul (2011) mengkaji kesan penggunaan strategi metakognisi terhadap pencapaian akademik pelajar. Kajian eksperimen ini melibatkan pelajar Gred 6 di dua buah sekolah rendah di Turkey. Seramai 42 orang pelajar dijadikan peserta kajian dan dibahagikan kepada dua buah kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Setiap kumpulan mengandungi seramai 21 orang pelajar. Pelajar-pelajar dalam kumpulan eksperimen yang didedahkan kepada penggunaan strategi metakognisi selama 15 minggu telah menunjukkan peningkatan dalam pencapaian akademik berbanding kumpulan kawalan yang tidak diberi pendedahan pengajaran menggunakan strategi metakognisi. Kajian ini juga membuktikan bahawa pelajar-pelajar kumpulan eksperimen dapat mengawal pembelajaran mereka sendiri dan lebih berkemahiran menggunakan strategi metakognisi yang bersesuaian dengan keperluan mereka. Hasil temu bual juga menunjukkan pelajar kumpulan eksperimen dapat mengaplikasikan penggunaan strategi metakognisi sewaktu mereka belajar di rumah.

Dalam konteks kajian ini, Yahya Othman, Ghazali Mustapha, Roselan Baki dan Shamsuddin Ahmad (2008) telah menjalankan kajian berkaitan metakognisi yang melibatkan lapan orang pelajar universiti. Kajian ini bertujuan untuk meneliti proses pemahaman daripada perspektif metakognisi dalam kalangan pelajar universiti. Dapatkan kajian mendapati pelajar mempunyai perspektif metakognisi yang pelbagai dalam menterjemahkan keupayaan pemahaman terhadap teks. Perbezaan perspektif juga dipengaruhi oleh strategi membaca yang digunakan, tahap kepayahan teks, jenis teks, dan persepsi responden terhadap teks yang dibaca.

Merujuk kajian Yahya Othman et al. (2008), antara strategi yang digunakan oleh pelajar universiti semasa membaca adalah berasaskan perancangan, pemantauan dan penilaian. Dalam proses perancangan membaca, strategi metakognisi yang digunakan adalah menulis idea penting. Strategi ini digunakan secara meluas semasa proses merancang bacaan untuk memberi kesan terhadap pemahaman. Manakala dalam proses pemantauan ketika membaca, strategi metakognisi yang digunakan untuk meningkatkan kefahaman adalah mengulang bacaan, merujuk kamus, membuat peta minda dan melangkaukan ayat. Dalam

proses terakhir, iaitu dalam menilai bacaan, responden didapati menggunakan strategi metakognisi seperti membuat andaian, mempertahankan pemahaman dan membuat bayangan mental. Ringkasnya, kajian ini menunjukkan bahawa pembaca mampu meningkatkan mutu pemahaman dengan menggunakan strategi yang bersesuaian dengan kebolehannya.

Saemah Rahman dan John Arul Phillips (2006) pula menjalankan kajian untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan antara kesedaran metakognisi, motivasi dan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini dijalankan ke atas 374 orang pelajar universiti Tahun 2 daripada lima buah kolej kediaman di Universiti Kebangsaan Malaysia. Berdasarkan analisis data yang diperoleh daripada soal selidik, kesedaran metakognisi mempunyai hubungan positif yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar. Berdasarkan dapatan kajian ini, selain faktor motivasi, pengetahuan pelajar dan amalan regulasi kognisi yang merangkumi perancangan, pemantauan kefahaman, penilaian, strategi *debugging* dan strategi pengurusan maklumat memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran pelajar serta boleh memberikan impak terhadap pencapaian akademik. Dapatkan kajian ini membuktikan bahawa efikasi kendiri boleh mempengaruhi cara pelajar menggunakan kesedaran metakognisi dalam proses pembelajaran pelajar.

PERNYATAAN MASALAH

Masalah pelajar lemah dalam bacaan dan tidak memahami kandungan yang dibaca merupakan isu yang boleh mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran bahasa (Yahya Othman & Roselan Baki, 2008). Di Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali daripada permasalahan ini. Masih terdapat rungutan para guru sekolah rendah dan menengah yang mempersoalkan pelajar tidak boleh membaca dan memahami teks dengan berkesan (Tamam, Zamri & Afendi, 2011).

Hasil analisis berdasarkan laporan peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2010 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menyatakan bahawa salah satu punca kelemahan dan kegagalan pelajar dalam subjek ini adalah masih terdapatnya pelajar lemah dalam membaca dan memahami. Dalam konteks soalan pemahaman, kebanyakkan pelajar sukar untuk menjawab soalan yang melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi. Hal ini terbukti apabila didapati 78.4% calon PSR 2010 tidak boleh menjawab soalan kefahaman yang melibatkan analisis petikan dan memberi pendapat terhadap teks yang dibaca. Hal ini menunjukkan kelemahan pelajar dalam menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi yang juga melibatkan penggunaan strategi membaca menggunakan metakognisi. Dengan menggunakan strategi ini, pelajar bukan saja mampu menjawab soalan dengan baik malahan mampu menjadikan proses bacaannya lebih bermakna (Yahya Othman, 2008).

Pemahaman membaca juga sering dipengaruhi oleh faktor keberkesaan pengajaran guru (Yahya Othman, 2005). Dalam kajian yang dijalankan oleh Taman Timbang et al. (2011), kaedah pengajaran guru Bahasa Melayu yang tidak berkesan merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada permasalahan pelajar tn idak boleh membaca dan memahami dengan berkesan. Kebanyakkan guru Bahasa Melayu (BM) mengendalikan pengajaran bacaan dan pemahaman dengan memberi tumpuan kepada latihan menjawab soalan semata-mata (Zamri Mahamod, 2008). Guru sekadar meminta pelajar membaca petikan dan bersoal jawab berkaitan teks bacaan. Dalam hal ini, proses pengajaran pemahaman teks bacaan tidak dijalankan dengan berkesan.

Masalah ini bertambah kritikal apabila guru BM tidak mendedahkan teknik serta strategi yang melibatkan pemahaman teks kepada pelajar. Hal ini juga disebabkan oleh kurangnya pengalaman dan pengetahuan terhadap strategi-strategi membaca memerlukan pelajar berfikir secara mendalam seperti menggunakan strategi metakognisi. Menurut Mahzan Arshad (2008), akibat masalah ini, pengajaran pemahaman bacaan tidak menekankan

kepada proses pemahaman yang mendalam. Pemahaman teks tidak hanya dengan cara menyebut dan memberi makna perkataan demi perkataan yang terkandung dalam bahan yang dibaca. Pemahaman terhadap teks berlaku jika pembaca dapat memahami akan maksud yang hendak disampaikan oleh penulis, menghubungkan antara maklumat yang dibaca dengan maklumat yang telah diketahui dan membuat aplikasi terhadap perkara yang telah dipelajari dengan pengalaman sebenar (Mahzan Arshad, 2008). Oleh itu, pelajar yang tidak didedahkan dengan teknik dan strategi memahami teks bacaan yang berkesan, sukar untuk mengamalkan cara belajar membaca dan memahami teks dengan lebih berkesan.

KERANGKA KONSEPTUAL PENYELIDIKAN

Teori yang dikaitkan bagi kajian ini berdasarkan Teori Konstruktivisme yang dicadangkan oleh Tracy dan Morro (2006) dalam Mc Tavish (2008). Menurut Tracy dan Morro, apabila teori konstruktivisme ini diaplikasikan dalam pengajaran bacaan, secara tidak langsung berperanan untuk menghasilkan pemahaman yang konstruktif dalam pemerolehan maklumat yang diakses dan dibaca. Melalui pembelajaran bacaan berasaskan teori konstruktivisme juga, pelajar akan dapat membina sendiri pengetahuan dan konsep berkaitan maklumat secara aktif sewaktu pengajaran bacaan dan pemahaman dijalankan dengan menggunakan strategi metakognisi yang digunakan. Pelajar akan dapat membentuk pemahaman melalui refleksinya berdasarkan interaksi dengan objek dan idea yang dipaparkan di dalam teks (Yahya Othman, 2008).


Berdasarkan teori konstruktivisme, kerangka konseptual bagi kajian ini dibina dengan mengubah suai *Students and Teachers Actively Reading Text (START) Reading Strategies Diagram* seperti yang dicadangkan oleh Scharlach (2008). Aspek tumpuan kajian ini ialah kesan penggunaan strategi metakognisi dalam pengajaran bacaan dan pemahaman yang meliputi ketiga-tiga proses membaca, iaitu sebelum membaca, semasa membaca dan selepas membaca. Pelajar dijangka dapat membina sendiri pengetahuan dan konsep berkaitan maklumat yang diperoleh daripada teks bacaan secara aktif sewaktu pengajaran bacaan dan pemahaman dijalankan.

Rajah 1 menunjukkan penggunaan strategi metakognisi secara konstruktif sewaktu ketiga-tiga proses membaca dijalankan. Pelajar akan bertindak aktif dalam meramal dan membina soalan-soalan penerokaan sebelum proses membaca dimulakan. Semasa membaca teks bacaan pula, pelajar akan terus berinteraksi secara aktif dengan meneliti perkataan-perkataan sukar, menghubungkan teks dengan pengetahuan dan pengalaman sedia ada serta menjawab soalan-soalan penerokaan. Manakala selepas membaca, pelajar akan memproses maklumat yang diperoleh daripada teks bacaan dengan membuat rumusan dan penilaian secara keseluruhannya terhadap idea-idea utama yang terdapat dalam teks.

Dalam hal ini, penggunaan strategi metakognisi digunakan agar dapat membantu pembaca membina pemahaman yang konstruktif dalam pemerolehan maklumat yang diakses dan dibaca. Penggunaan strategi metakognisi yang menjadi fokus kajian ini diterapkan melalui strategi membaca yang diamalkan oleh responden kajian di dalam setiap peringkat bacaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dirancang oleh pengkaji. Pengkaji melaksanakan kajian ini dengan mengambil kira kesan strategi metakognisi yang diamalkan dalam setiap peringkat pengajaran dan pembelajaran supaya dapat memandu kefahaman responden terutama apabila menghadapi masalah dalam memahami teks.

Disebabkan responden kajian adalah murid sekolah rendah maka strategi metakognisi yang ingin diterapkan dalam pengajaran mampu membina kefahaman melalui strategi membaca yang besesuaian dengan tahap kognisi mereka.

Kerangka konseptual bagi penyelidikan ini seperti dalam rajah berikut:



RAJAH 1. Kerangka konseptual kajian penggunaan strategi metakognisi dalam pengajaran bacaan dan pemahaman

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanannya strategi metakognisi dalam pemahaman membaca teks ekspositori yang digunakan semasa mengajar membaca di sekolah rendah.

SOALAN-SOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif yang telah disenaraikan, kajian ini diharap dapat menjawab soalan-soalan berikut:

- i. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min prestasi pemahaman antara pelajar-pelajar yang mengikuti pengajaran bacaan menggunakan strategi metakognisi dengan pelajar-pelajar yang mengikuti pengajaran bacaan menggunakan pendekatan konvensional dalam ujian pra?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min prestasi pemahaman antara pelajar-pelajar yang mengikuti pengajaran bacaan menggunakan strategi metakognisi dengan pelajar-pelajar yang mengikuti pengajaran bacaan menggunakan pendekatan konvensional dalam ujian pasca?
- iii. Adakah terdapat kesan perbezaan yang signifikan bagi pembelajaran pemahaman bacaan menggunakan strategi metakognisi dalam ujian pra dan pasca?

KAEDAH KAJIAN

Dengan menggunakan kaedah kuasi eksperimen. Kaedah eksperimen dalam kajian ini menggunakan reka bentuk ujian pra dan ujian pasca kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan (Sidek Mohd Noah, 2002). Reka bentuk kajian ini dipaparkan seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Reka Bentuk Ujian Pra-Ujian Pasca Kumpulan Pelajar Sederhana

Kumpulan	Ujian Pra	Rawatan	Ujian Pasca
Eksperimen	T ₁	X	T ₂
Kawalan	T ₁		T ₂

Sumber: *Reka Bentuk Kumpulan Kawalan Rawak, Ujian Pra dan Ujian Pasca* (Sidek Mohd Noah, 2002).

Nota Jadual 1:

- X: Kelas rawatan yang diberikan kepada kumpulan eksperimen menggunakan strategi metakognisi.
- T₁: Pencapaian ujian pra bagi kumpulan eksperimen dan kawalan.
- T₂: Pencapaian ujian pasca bagi kumpulan eksperimen dan kawalan.

RESPONDEN KAJIAN

Responden kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Tahun 4 berpencapaian sederhana yang berumur antara lingkungan 10 hingga 11 tahun. Mereka kebanyakannya berbangsa Melayu dan bersekolah di sebuah sekolah kerajaan di kawasan Daerah Brunei Muara. Seramai 60 orang responden yang terdiri daripada 32 orang pelajar lelaki dan 28 orang pelajar perempuan telah dipilih untuk dijadikan responden kajian ini. Pemilihan responden kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian ini meliputi persediaan mengajar, teks bacaan, set ujian pemahaman, soal kaji selidik dan borang pemerhatian.

PERSEDIAAN MENGAJAR

Terdapat dua set persediaan mengajar yang digunakan untuk melaksanakan setiap pengajaran bacaan dan kefahaman dalam kajian ini. Set persediaan mengajar pertama dirancang untuk mengajar kumpulan eksperimen yang mengutamakan penggunaan strategi metakognisi dalam pengajaran membaca dan memahami teks bacaan (rujuk Lampiran 1). Manakala dalam set persediaan mengajar kedua pula untuk mengajar kumpulan kawalan menggunakan kaedah pengajaran konvensional (rujuk Lampiran 2).

TEKS BACAAN

Lima set teks bacaan jenis ekspositori disediakan dalam kajian ini. Teks-teks bacaan tersebut bertajuk ‘Buah Naga Buah Istimewa’, ‘Misai Kucing’, ‘Pokok Getah (*Hevea Brasiliensis*)’, ‘Produk daripada Kayu Getah’ dan ‘Hidroponik’. Kelima-lima teks bacaan ini dipetik daripada Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5, terbitan *Star Publishing Pte. Ltd.* (2009). Kesemua teks tersebut berkaitan dengan pertanian. Walau bagaimanapun, untuk keperluan dan kepentingan kajian ini, sedikit pengubahsuaihan dilakukan dari segi penggunaan kosa kata dan juga frasa yang terdapat dalam kelima-lima teks bacaan tersebut.

Di samping itu, teks bacaan yang digunakan juga telah dinilai indeks kebolehbacaannya dengan menggunakan formula kebolehbacaan Khadijah Rohani (1982) dalam Marohaini Yusuf (1999) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2. Indeks yang diperoleh menunjukkan teks sesuai digunakan untuk bacaan sampel kajian. Indeks kebolehbacaan teks menunjukkan teks yang digunakan adalah sesuai digunakan dalam kajian ini.

JADUAL 2. Indeks kebolehbacaan teks yang digunakan dalam kajian

Petikan	Indeks kebolehbacaan
Buah Naga Buah Istimewa	4.2
Misai Kucing	4.4
Pokok Getah (Hevea Brasiliensis)	4.3
Produk daripada Kayu Getah	4.4
Hidroponik	4.3

UJIAN PEMAHAMAN

Set ujian pemahaman merupakan ujian yang dibina oleh pengkaji untuk diberikan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen secara bertulis. Dalam kajian ini, set ujian tersebut diberikan kepada kedua-dua kumpulan pelajar semasa ujian pra dan ujian pasca dijalankan. Ujian ini mengandungi 15 item soalan berbentuk subjektif yang memerlukan jawapan ringkas dari pelajar berdasarkan pemahaman mereka terhadap teks yang dibaca. Setiap jawapan pelajar diberikan nilai 1 bagi jawapan yang betul dan 0 bagi jawapan yang salah.

PENGANALISISAN DATA

Data-data kuantitatif yang diperoleh daripada ujian pemahaman dan set soal selidik dikumpul dan dianalisis menggunakan *The Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 20. Data dihuraikan dengan membuat perbandingan antara min menggunakan analisis ujian-*t*. Ujian-*t* Sampel Tak Bersandar digunakan untuk membandingkan min prestasi ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Manakala analisis kovarians (*One Way Ancova*) juga digunakan untuk menentukan kesan penggunaan strategi metakognisi terhadap pengajaran bacaan pemahaman. Aras signifikan untuk kesemua ujian ini ialah $\alpha = 0.05$.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian bagi setiap soalan kajian dianalisis dan dibincangkan seperti berikut.

SOALAN KAJIAN PERTAMA

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min prestasi pemahaman antara pelajar-pelajar yang mengikuti pengajaran bacaan menggunakan strategi metakognisi dengan pelajar-pelajar yang mengikuti pengajaran bacaan menggunakan pendekatan konvensional dalam ujian pra?

Data yang dikumpul dianalisis menggunakan ujian-*t* Sampel Tak Bersandar atau *Independent Sample t-Test* (ISTT) bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi min prestasi pemahaman bacaan antara responden yang mengikuti pengajaran bacaan menggunakan strategi metakognisi dengan responden yang mengikuti bacaan menggunakan pendekatan konvensional dalam ujian pra. Dapatan kajian tersebut dipaparkan dalam Jadual 3.

JADUAL 3. Ujian-*t* bagi Min Perbezaan Pencapaian Prestasi Pemahaman Bacaan antara Kumpulan Eksperimen dan Kawalan dalam Ujian Pra

Kumpulan Pelajar	N	Min	SP	t	p
Eksperimen	30	6.47	2.11	0.879	0.383
Kawalan	30	6.00	2.00		

Nota: *Signifikan pada aras keertian 0.05

Berdasarkan Jadual 3, didapati bahawa min prestasi pemahaman bacaan yang diperoleh oleh kumpulan eksperimen ialah 6.47 dan sisihan piawai (SP) 2.11. Manakala kumpulan kawalan memperoleh min prestasi pemahaman bacaan 6.00 dan SP 2.00. Perbezaan min antara kumpulan eksperimen dan kawalan dalam ujian pra hanyalah sebanyak 0.47.

Analisis ujian-*t* menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min skor kumpulan eksperimen dan kawalan, t (60) = 0.88, $p > 0.05$. Oleh hal yang demikian, prestasi pemahaman antara kedua-dua kumpulan adalah sama sebelum sesi rawatan dijalankan. Dapatkan ini menunjukkan bahawa responden bagi kedua-dua kumpulan mempunyai tahap penguasaan pemahaman bacaan yang sama sebelum sesi rawatan dijalankan.

SOALAN KAJIAN KEDUA

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min prestasi pemahaman antara pelajar-pelajar yang mengikuti pengajaran bacaan menggunakan strategi metakognisi dengan pelajar-pelajar yang mengikuti pengajaran bacaan menggunakan pendekatan konvensional dalam ujian pasca?

Setelah enam sesi pengajaran (rawatan) dijalankan, prestasi pemahaman responden berdasarkan teks yang dibaca telah diukur menggunakan ujian pasca. Dapatkan kajian tersebut dipaparkan dalam Jadual 4.

JADUAL 4. Ujian-*t* bagi Min Perbezaan Pencapaian Prestasi Pemahaman Bacaan antara Kumpulan Eksperimen dan Kawalan dalam Ujian Pasca

Kumpulan Pelajar	N	Min	SP	t	p
Eksperimen	30	13.30	1.75	12.956	0.000*
Kawalan	30	7.30	1.84		

Nota: *Signifikan pada aras keertian 0.05

Berdasarkan Jadual 4, min prestasi pemahaman bacaan yang diperoleh oleh kumpulan eksperimen yang mengikuti pengajaran bacaan menggunakan strategi metakognisi ialah 13.30 dan SP 1.75. Manakala kumpulan kawalan yang mengikuti pengajaran bacaan secara konvensional pula memperoleh min prestasi pemahaman 7.30 dan SP 1.84. Oleh itu, perbezaan min antara kumpulan eksperimen dan kawalan dalam ujian pasca adalah sebanyak 6.00.

Analisis ujian-*t* menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min prestasi pemahaman bacaan yang signifikan antara skor kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan, t (60) = 12.96, $p < 0.05$. Hasil analisis data ini menunjukkan bahawa prestasi pemahaman bagi kumpulan eksperimen yang didedahkan dengan pengajaran bacaan menggunakan strategi metakognisi lebih tinggi berbanding dengan sampel kumpulan kawalan yang hanya diajarkan menggunakan pendekatan konvensional.

Dengan perbezaan min prestasi pemahaman yang signifikan ini jelas membuktikan bahawa pengajaran bacaan menggunakan strategi metakognisi dapat meningkatkan prestasi pemahaman dalam kalangan pelajar tahap sederhana berbanding pengajaran bacaan secara konvensional. Hal ini juga didapati dalam beberapa kajian terdahulu yang dijalankan oleh Eilers dan Pinkley (2006) dan Boulware-Gooden et al. (2007). Hasil kajian-kajian tersebut membuktikan kesan pemahaman bacaan yang lebih baik apabila para pelajar didedahkan dengan strategi metakognisi semasa pengajaran bacaan dijalankan.

Sementara itu, responden kumpulan kawalan yang didedahkan dengan pengajaran membaca secara konvensional pula menunjukkan prestasi pemahaman yang jauh lebih rendah berbanding kumpulan eksperimen yang didedahkan dan diberikan kemahiran menggunakan

strategi metakognisi dalam pembelajaran bacaan dan pemahaman. Tanpa pendedahan terhadap strategi tersebut, kumpulan kawalan ini tidak menunjukkan peningkatan yang baik dari segi prestasi pemahaman mereka terhadap teks yang dibaca. Hal ini juga ada dijelaskan oleh Kolic-Vehovec dan Bajsanski (2006). Dapatkan kajian beliau mendapati pelajar yang tidak didedahkan dan tidak diberikan kemahiran menggunakan strategi metakognisi dalam pembelajaran bacaan dan pemahaman akan mempunyai masalah untuk menguasai aspek kefahaman. Oleh itu, peningkatan kefahaman pelajar itu banyak dipengaruhi oleh strategi yang digunakan semasa membaca teks. Lazimnya, prestasi pemahaman meningkat apabila pelajar dapat menggunakan strategi metakognisi dengan baik semasa membaca (Kolic-Vehovec & Bajsanski, 2006).

SOALAN KAJIAN KETIGA

Adakah terdapat kesan perbezaan yang signifikan bagi pembelajaran pemahaman bacaan menggunakan strategi metakognisi dalam ujian pra dan pasca?

Untuk mengetahui sama ada terdapat kesan pengajaran dan pembelajaran bacaan terhadap pemahaman dengan menggunakan strategi metakognisi, analisis One-Way Ancova telah digunakan. Melalui analisis ini, kesan pembolehubah bebas (rawatan pengajaran membaca dan memahami menggunakan strategi metakognisi) terhadap pembolehubah bersandar (ujian pasca) dapat ditentukan dengan mengeluarkan pembolehubah luaran (*covariates*) secara bersistematis. Melalui analisis ini, pengaruh *covariate* (ujian pra dan pembolehubah luaran) terhadap rawatan secara statistik dapat dikawal semasa analisis ini dijalankan. Oleh itu, *bias* (berat sebelah) terhadap hasil atau keputusan ujian dapat dikurangkan. Hasil analisis bagi ujian ini dipaparkan seperti dalam jadual 5.

JADUAL 5. Analisis One-Way Ancova bagi Pembelajaran Pemahaman Bacaan Kumpulan Eksperimen dalam Ujian Pra dan Pasca

Sumber	Type III Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Corrected Model	598.468 ^a	2	299.234	133.116	.000
Intercept	301.083	1	301.083	133.939	.000
Ujian Pra	58.468	1	58.468	26.010	.000
Kumpulan Eksperimen	493.218	1	493.218	219.411	.000
Error	128.132	57	2.248		
Jumlah	7092.000	60			
Corrected Total	726.600	59			

a. *R Squared* = .824 (*Adjusted R Squared* = .817)

b. Computed using alpha = .05

Melalui analisis data One Way Ancova seperti yang terdapat di dalam Jadual 5, terdapat perbezaan yang signifikan antara min bagi ujian pra dan pasca bagi kumpulan eksperimen, $p=0.00 < 0.05$ ($F\text{-ratio} = 493.22/2.25 = 219.41$ $p < 0.05$). Oleh itu, rawatan pengajaran bacaan dan pemahaman menggunakan strategi metakognisi ini memberikan kesan yang sangat positif terhadap pemahaman responden dalam kumpulan eksperimen. Para responden dalam kumpulan ini dapat meningkatkan prestasi pemahaman mereka dalam ujian pasca berbanding ketika ujian pra diberikan (sebelum responden didedahkan kepada penggunaan strategi metakognisi). Peningkatan prestasi kefahaman responden juga wujud dalam kajian yang dijalankan oleh Houtveen dan Grift (2007). Kajian tersebut menunjukkan bahawa penguasaan pemahaman pelajar-pelajar yang didedahkan dengan strategi metakognisi dalam pelajaran membaca dan memahami adalah lebih tinggi berbanding kumpulan pelajar yang diajarkan membaca tanpa menggunakan strategi tersebut.

Keberkesanan penggunaan strategi metakognisi dalam meningkatkan prestasi pemahaman ini juga dibuktikan dalam kajian Fotovatian dan Shokrpour (2007). Hasil kajian mereka mendapati penggunaan strategi metakognisi memberi kesan terhadap prestasi pembelajaran bacaan dan pemahaman. Prestasi pemahaman pelajar menunjukkan peningkatan yang amat positif setelah didedahkan dengan penggunaan strategi metakognisi (Kragler & Martin, 2009). Selain itu, Cubukcu (2008) juga mendapati bahawa aplikasi strategi metakognisi ini dapat meningkatkan pemahaman pelajar khasnya dalam memahami teks ekspositori. Dalam kajian tersebut, pelajar yang diajarkan membaca menggunakan strategi metakognisi dapat meningkatkan pemahaman terhadap teks ekspositori dengan lebih baik dan efektif. Sehubungan dengan itu, jelaslah rawatan pengajaran bacaan dan pemahaman menggunakan strategi metakognisi ini memberi kesan yang sangat baik dan dapat membantu meningkatkan pemahaman pelajar.

RUMUSAN, IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

Dalam ujian pra, dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan min prestasi pemahaman bacaan yang signifikan antara pelajar-pelajar kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Kedua-dua kumpulan mempunyai tahap pemahaman yang sama sebelum sesi rawatan dijalankan. Sebaliknya dalam ujian pasca, dapat dirumuskan bahawa terdapat perbezaan min prestasi pemahaman bacaan yang signifikan antara pelajar-pelajar yang mengikuti pengajaran bacaan menggunakan strategi metakognisi dengan pelajar-pelajar yang mengikuti pengajaran bacaan menggunakan pendekatan konvensional. Dengan perbezaan min prestasi pemahaman yang signifikan ini membuktikan bahawa pengajaran bacaan menggunakan strategi metakognisi dapat meningkatkan prestasi pemahaman pelajar berbanding pengajaran bacaan secara konvensional.

Oleh itu, penggunaan strategi-strategi seperti membuat ramalan, membina soalan penerokaan, menggaris perkataan sukar dan merujuk maknanya dalam kamus serta menghubungkan maknanya dengan konteks ayat yang terkandung dalam bahan bacaan adalah penting untuk meningkatkan pemahaman sewaktu proses pengajaran bacaan dijalankan. Walaupun strategi-strategi metakognisi yang digunakan oleh pelajar dalam kajian ini hanya berbentuk asas sahaja seperti menggariskan, mengulang bacaan, merujuk kamus, menanda perkataan sukar, dan bertanya rakan, namun penggunaannya amat sesuai untuk tahap pelajar sekolah rendah. Menurut Keene (2008), para pelajar tidak perlu menggunakan banyak strategi metakognisi untuk menjadikan pelajar memahami teks bacaan dengan baik. Penggunaan satu atau dua strategi metakognisi yang bersesuaian dengan teks bacaan sudah boleh memberi kesan positif terhadap prestasi pemahaman pelajar.

Tambahan lagi, dalam pengajaran bacaan menggunakan strategi metakognisi ini, pelajar-pelajar dilihat dapat melibatkan diri secara aktif. Penglibatan pelajar dalam menggunakan strategi metakognisi untuk memahami teks telah menjadikan mereka pembaca yang lebih bermotivasi dan berkeyakinan tinggi. Pelajar juga kelihatan berminat dengan aktiviti-aktiviti seperti membuat perbincangan bersama rakan dan aktiviti menceritakan kembali kandungan bahan bacaan mengikut kefahaman masing-masing. Aktiviti ini dapat menggalakkan mereka untuk berinteraksi dengan rakan, guru dan juga bahan, sekali gus dapat meningkatkan pemahaman terhadap teks bacaan. Di samping itu, aktiviti-aktiviti ini memberikan peluang kepada pelajar untuk belajar antara satu sama lain dalam memperjelas kefahaman masing-masing (Kozar, 2010).

Berlainan halnya dalam pengajaran membaca secara konvensional. Pelajar-pelajar tidak didedahkan dengan strategi metakognisi. Pengajaran hanya bersifat linear dan berorientasikan guru semata-mata. Para pelajar diminta untuk membaca teks, diikuti dengan aktiviti menjawab soalan kefahaman secara individu. Dalam hal ini, pelajar tidak berpeluang

untuk menggunakan strategi metakognisi yang boleh membantu mereka untuk merancang, menyusun dan membuat penilaian terhadap pembelajaran mereka (Shaila & Trudell, 2010). Hasilnya, pengajaran membaca secara konvensional ini tidak dapat membantu meningkatkan prestasi pemahaman pelajar.

Implikasi kajian ini terhadap guru ketara apabila mereka perlu membuat persediaan yang rapi dalam menyediakan teks bacaan. Teks yang kurang mencabar daya pemikiran mereka boleh membawa implikasi yang kurang baik seperti tidak minat meneruskan bacaan dan membaca sambil lewa. Implikasi kajian ini terhadap murid pula banyak bergantung kepada sejauh mana mereka didedahkan dengan strategi membaca yang berkesan. Dengan menggunakan strategi membaca metakognisi, suasana pembelajaran bacaan akan lebih memberi makna kepada mereka. Di samping itu aspek pedagogi juga perlu diberikan perhatian bagi memastikan keberkesanan pengajaran dapat dipertingkatkan. Hal ini disebabkan penggunaan strategi yang sesuai boleh memberi impak kepada kejayaan pengajaran guru keseluruhannya.

Kesimpulannya, pengajaran membaca menggunakan strategi metakognisi ini memberi kesan yang sangat baik terhadap pemahaman pelajar. Pendedahan dalam kalangan pelajar sekolah rendah juga sangat bersesuaian untuk melatih pelajar memahami teks bacaan dengan lebih bermakna (Jafari & Ketabi, 2012; Karami & Hashemian, 2012). Dalam konteks kajian ini juga menunjukkan bahawa pengajaran membaca menggunakan strategi metakognisi dapat membantu meningkatkan pemahaman pelajar tahap sederhana apabila membaca teks ekspositori dengan lebih baik dan efektif berbanding pendekatan konvensional.

RUJUKAN

- Boulware-Gooden, R., Carreker, S., Thornhill, A. & Joshi, R. (2007). Instruction of metacognitive strategies enhances reading comprehension and vocabulary achievement of third-grade students. *Reading Teacher*. Vol. 61(1), 70-77.
- Caliskan, M. & Sunbul, A. (2011). The effects of learning strategies instruction on metacognitive knowledge, using metacognitive skills and academic achievement (Primary Education Sixth Grade Turkish Course Sample). *Educational Sciences: Theory and Practice*. Vol. 11(1), 148-153.
- Cubukcu, F. (2008). Enhancing vocabulary development and reading comprehension through metacognitive strategies. *Issues in Educational Research*. Vol. 18(1), 1-11.
- Eilers, L. H. & Pinkley, C. (2006). Metacognitive strategies help students to comprehend all text. *Reading Improvement*. Vol. 43(1), 13-29.
- El-Koumy, A. (2004). *Metacognition and reading comprehension: Current trends in theory and research*. ERIC Document #ED490569.
- Fotovatian, S. & Shokrpour, N. (2007). Comparison of the efficiency of reading comprehension strategies on Iranian University students' comprehension. *Journal of College Reading and Learning*. Vol. 37(2), 47-63.
- Houtveen, A. M. & van de Grift, W. M. (2007). Effects of metacognitive strategy instruction and instruction time on reading comprehension. *School Effectiveness and School Improvement*. Vol. 18(2), 173-190.
- Jabatan Perkembangan Kurikulum. (2009). *Kerangka dan panduan bagi kurikulum dan penilaian bahasa Melayu*. Kementerian Pendidikan: Negara Brunei Darussalam.
- Jafari, D. & Ketabi, S. (2012). Metacognitive strategies and reading comprehension enhancement in Iranian intermediate EFL setting. *International Journal of Linguistic*. Vol. 4(3), 1-14

- Karami, S. & Hashemian, M. (2012). The relationship between metacognitive strategies and reading comprehension in Iranian female L2 learners. *International Journal of English*. Vol. 2(4), 58-64.
- Keene, E. (2007). *Assessing comprehension thinking strategies*. USA: Shell Education.
- Korabiak, K., & Mete, N. (2004). *ICT in the discipline of reading*. Muat turun pada 27 Januari 2010, dari http://www.uoregon.edu/~moursund/Digital_Age1/Project-Reading.pdf.
- Kozar, O. (2010). Towards better group work: seeing the difference between cooperation and collaboration. *English Teaching Forum*. Vol. 48(2), 16-23.
- Kragler, S. & Martin, L. (2009). "I tried to make it not confusing by fixing it": describing six first graders' use of strategies to understand text. *Reading Psychology*. Vol. 30(6), 512-538.
- Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan literasi Bahasa Melayu: strategi perancangan dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- McTavish, M. (2008). "What were you thinking?": The use of metacognitive strategy during engagement with reading narrative and informational genres. *Canadian Journal of Education*. Vol. 31(2), 405-430.
- Saemah Rahman & John Arul Philips. (2006). Hubungan antara kesedaran metakognisi, motivasi dan pencapaian akademik pelajar universiti. *Jurnal Pendidikan*. Vol. 31, 21-39.
- Scharlach, T. (2008). START comprehending: students and teachers actively reading text. *Reading Teacher*. Vol. 62(1), 20-31.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka bentuk penyelidikan falsafah teori dan praktis*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Shaila, M. & Trudell, B. (2010). From passive learners to critical thinkers: preparing EFL students for university success. *English Teaching Forum*. Vol. 48(3), 2-9.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod & Afendi Hamat. (2011). Faktor dan kesan masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa melayu*. Vol. 1(1), 89-107.
- Wan Normeza Wan Zakaria & Nor Aishah Buang. (2012). Analisis Struktur Teks Dalam Kemahiran Membaca Teks Ekonomi, *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol 12(1), 295-309
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Yahya Othman. (2008). *Proses dan strategi membaca berkesan*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.
- Yahya Othman & Roselan Baki. (2008). *Aplikasi komputer dalam pengajaran bahasa: Penguasaan guru dan kekangan dalam pelaksanaan*. Muat turun pada 27 Januari 2010, dari <http://eprints.utm.my/5968/1/08-yahya.pdf>
- Yahya Othman, Ghazali Mustapha, Roselan Baki & Shamsuddin Ahmad. (2008). Proses pemahaman daripada perspektif metakognitif dalam kalangan pelajar universiti. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*. Vol. 16(2), 213-223.
- Zamri Mahamod. (2008). *Psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Zubidah Majid. (2002). *Keberkesanan strategi kognitif terhadap pencapaian kosa kata bahasa Melayu pelajar-pelajar bukan Melayu*. Muat turun pada 30 Mac 2012 dari http://psasir.upm.edu.my/10997/1/FPP_2002_26_A.pdf

LAMPIRAN 1

PERSEDIAAN MENGAJAR KUMPULAN EKSPERIMEN

(Pengajaran Membaca Dan Memahami Teks Ekspositori Menggunakan Strategi Metakognisi)

Subjek : Bahasa Melayu

Tarikh: Mei, 2012

Tahun: 4

Bilangan murid: 30 orang

Tahap kebolehan murid : Kumpulan pelajar sederhana

Pengetahuan sedia ada: Pelajar sudah boleh membaca teks berayat dengan lancar.

Masa : 60 minit

Tajuk: Buah Naga Buah Istimewa

Objektif :

Semasa dan pada akhir pengajaran, diharap murid-murid akan dapat:


1. Membaca dan memahami teks bacaan bertajuk ‘Buah Naga Buah Istimewa’ dengan menggunakan pelbagai strategi metakognisi seperti menggariskan, mencatatkan isi penting, mengulang bacaan dan membina soalan.
2. Mencatatkan sekurang-kurangnya 5 isi penting daripada teks bacaan bertajuk ‘Buah Naga Buah Istimewa’.
3. Menjawab sekurang-kurangnya 12 daripada 15 soalan kefahaman yang diberikan dengan betul.

Kemahiran Bahasa: Mendengar, membaca, bertutur dan menulis.

Penyerapan Nilai: Mensyukuri nikmat dan anugerah Tuhan.

Penyerapan Ilmu: Sains, Pendidikan Islam dan Melayu Islam Beraja.

Langkah / Masa	Aktiviti	Bahan
Induksi Set (3 minit)	i. Guru menunjukkan beberapa keping gambar buah naga kepada pelajar. ii. Pelajar-pelajar diminta untuk menjawab soalan-soalan seperti berikut: -Apakah nama buah ini? -Di manakah kamu pernah melihat buah ini? -Bolehkah buah ini dimakan?	Slaid gambar buah naga Papan Putih Interaktif
Langkah 1 (7 minit)	Guru memperkenalkan strategi yang perlu dilakukan sebelum membaca teks: -Strategi meramal -Strategi membina soalan i. Sebelum proses membaca dimulakan, guru menuliskan tajuk teks bacaan di papan tulis dan mengajukan beberapa soalan berikut: a) Berdasarkan tajuk ini, apakah yang kamu tahu? b) Apakah yang ingin kamu ketahui tentang tajuk ini? ii. Pelajar diminta mencatatkan perkara yang ingin mereka ketahui dalam bentuk peta minda dalam kertas yang disediakan.	Kertas beserta lakaran peta minda
Langkah 2 (20 minit)	Guru memperkenalkan strategi yang perlu dilakukan semasa membaca dan memahami teks: -Membaca senyap -Menggaris perkataan sukar -Membuat catatan -Mengulang bacaan -Mencari makna perkataan menggunakan kamus	Teks Bacaan Ekspositori bertajuk ‘Buah Naga Buah Istimewa’ Kamus Gambar buah naga

	<p>Berbincang dengan rakan dalam kumpulan</p> <ol style="list-style-type: none"> Pelajar dibahagikan kepada 6 buah kumpulan, dan setiap kumpulan terdiri daripada lima orang ahli. Pelajar diberikan teks bacaan dan mereka diminta membaca dan memahami kandungan teks. Pelajar diminta mengisikan ruangan yang disediakan di sudut sebelah kanan dalam teks bacaan semasa proses membaca dijalankan. <ol style="list-style-type: none"> Adakah teks ini dapat menjawab perkara-perkara yang ingin kamu ketahui? Apakah perkara yang ingin kamu ketahui lagi dari teks ini? Tuliskan perkataan-perkataan sukar yang kamu temui dalam teks bacaan ini. Apakah maksud perkataan-perkataan yang kamu telah catatkan? 	 <p>Buah Naga Buah Istimewa</p> <p>Apakah yang saya tahu mengenai tauk ini?</p> <p>Apakah yang ingin saya ketahui?</p> <p>Perkataan sukar yang saya gariskan dalam perenggan 1 dan 2?</p> <p>Apakah yang saya jumpai dalam perenggan 1 dan 2?</p> <p>Perkataan sukar yang saya gariskan dalam perenggan 3 dan 4?</p> <p>Apakah yang saya jumpai dalam perenggan 3 dan 4?</p> <p>Ada sesuatu yang unik tentang tumbuhan ini. Bunga buah naga ini hanya akan berkembang</p>
Langkah 3 (12 minit)	<p>Guru memperkenalkan strategi yang perlu dilakukan selepas membaca dan memahami teks:</p> <ul style="list-style-type: none"> -Membuat kesimpulan -Menghuraikan isi penting <ol style="list-style-type: none"> Guru berbincang bersama pelajar tentang isi keseluruhan teks dan pelajar diminta untuk mencatatkan isi penting yang diperoleh daripada teks bacaan dalam bentuk peta minda. Guru mengajukan beberapa soalan untuk menguji kefahaman pelajar mengenai teks bacaan: 	<p>Teks Bacaan Buah Naga Buah Istimewa</p> 
	<ol style="list-style-type: none"> Nyatakan isi-isi penting yang kamu dapat dari teks bacaan ini. Sebutkan perkataan-perkataan sukar yang kamu temui dalam teks bacaan ini. Selepas membaca, apakah pengajaran atau nasihat yang baik dapat kamu ambil dari teks ini? 	
Langkah 4 (15 minit)	Pelajar diminta menjawab latihan kefahaman yang disediakan secara bertulis.	Kertas latihan kefahaman
Penutup (3 minit)	Berdasarkan beberapa jawapan pelajar yang dicatatkan, guru mengulas isi kandungan teks secara ringkas.	

LAMPIRAN 2

PERSEDIAAN MENGAJAR KUMPULAN KAWALAN (Pengajaran Membaca Dan Memahami Teks Ekspositori Secara Konvensional)

Subjek : Bahasa Melayu

Tarikh: Mei, 2012

Tahun: 4

Bilangan murid: 30 orang

Tahap kebolehan murid : Kumpulan pelajar sederhana

Pengetahuan sedia ada: Murid sudah boleh membaca teks berayat dengan lancar

Masa : 60 minit

Tajuk: Buah Naga Buah Istimewa

Objektif :

Semasa dan pada akhir pengajaran, diharap murid-murid akan dapat:

1. Membaca dan memahami teks bacaan bertajuk ‘Buah Naga Buah Istimewa’ tanpa menggunakan strategi metakognisi.

2. Mencatatkan sekurang-kurangnya 5 isi penting daripada teks bacaan bertajuk ‘Buah Naga Buah Istimewa’.

3. Menjawab sekurang-kurangnya 12 daripada 15 soalan kefahaman yang diberikan dengan betul.

Kemahiran Bahasa : Mendengar, membaca, bertutur dan menulis. Penyerapan Nilai: Mensyukuri nikmat dan anugerah Tuhan.

Penyerapan Ilmu: Sains, Pendidikan Islam dan Melayu Islam Beraja.

Langkah / Masa	Aktiviti	Bahan
Induksi Set (5 minit)	i. Guru menunjukkan beberapa keping gambar buah naga kepada pelajar. ii. Pelajar menekanamabuah tersebut.	Slaid gambar buah naga Papan Putih Interaktif
Langkah 1 (17 minit)	i. Pelajar diberikan teks bacaan dan mereka diminta membaca secara beramai-ramai. ii. Beberapa orang pelajar kemudiannya dipilih untuk membacakan teks tersebut kepada guru dan rakan-rakan yang lain.	Teks Bacaan bertajuk ‘Buah Naga Buah Istimewa’.
Langkah 2 (15 minit)	i. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan. ii. Guru memintas setiap kumpulan untuk membaca teks secara bergilir-gilir. iii. Secara lisan, guru bersoal jawab dengan pelajar mengenai teks bacaan yang telah dibaca.	Teks Bacaan bertajuk ‘Buah Naga Buah Istimewa’.
Langkah 3 (20 minit)	Pelajar diberikan latihan menjawab soalan kefahaman secara bertulis. Pelajar diminta untuk menjawab soalan-soalan secara individu berdasarkan teks yang diberikan.	Teks Bacaan bertajuk ‘Buah Naga Buah Istimewa’. Kertas latihan kefahaman
Penutup (3 minit)	Guru merumuskan secara ringkas mengenai isi teks bacaan yang dibaca oleh pelajar.	...

PENULIS

Yahya Othman (PhD) bertugas sebagai pensyarah kanan di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Beliau memiliki kepakaran dalam bidang pedagogi bahasa, pengajaran membaca, dan metakognisi. Sebelum ini pernah bertugas sebagai pensyarah di Universiti Brunei Darussalam (2008-2012), Universiti Putra Malaysia (1998-2008), Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka (1992-1998) dan guru sekolah (1979-1992)

Dayang Raini Pakar (MEd) bertugas sebagai guru di Sekolah Rendah Masin, Brunei Darussalam. Berkelulusan Master of Education (Pendidikan Bahasa Melayu) dan Bachelor of Education dari Universiti Brunei Darussalam. Pernah menulis berkaitan pengajaran membaca di dalam jurnal pendidikan dan prosiding seminar.